



UiTM@Media **2016**



Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

Seni arca seramik Umibaizurah

KERJAYANYA dalam bidang seni halus bertapak menerusi penghasilan arca seramik. Lebih sedekad berlalu, hasil seni pengarca seramik kontemporari, Umibaizurah Mahir @ Ismail, 41, berjaya menarik ramai peminat seni halus merentasi benua.

Galeri Seni

Tampil dengan pameran solo ketiga yang berjudul *Fragile* di The Edge Galerie, Mont Kiara, Kuala Lumpur, anak jati kelahiran Johor itu membawakan 22 set karya seni yang mendukung mesej tentang konflik sosial dan realiti semasa masyarakat.

Menurutnya, pameran *Fragile* meneroka keadaan manusia di dalam lapisan dan kehidupan masyarakat moden.

“Sebagai artis, saya banyak mengetengahkan topik seperti kehidupan bermasyarakat, penghijrahan dan pelanggaran yang berterusan antara manusia serta alam sekitar.

“Hasil karya seni saya meluahkan ekspresi seni yang serba boleh dan mencerminkan pelbagai kemahiran seni dalam usaha untuk mendedahkan kelemahan manusia,” katanya yang dilahirkan pada tahun 1975.

Umibaizurah turut menambah, dia tidak takut menolak sempadan untuk bersuara. Pada masa yang sama, ia menggambarkan ketegangan serta konflik dalam masyarakat melalui seni seramik.

Umibaizurah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Seni Reka (Seramik) dengan Kepujian di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor pada 2000.



UMIBAIZURAH merupakan antara pelopor kepada seni arca seramik di Malaysia.

Sejak itu, dia telah mengambil bahagian dalam pelbagai pameran berkumpulan di Malaysia, Indonesia, England, Korea Selatan, Singapura, China, Dubai, Emiriyah Arab Bersatu, Pakistan dan Jepun serta telah melakukan dua pameran solo seni seramik.

Empat pecahan

Idea dan konsep yang diterapkan dalam pameran kali ini banyak diinspirasi daripada pengamatan terhadap beberapa isu yang melanda negara dan pengalaman ketika melawat beberapa negara di Eropah serta Jepun.

Terbahagi kepada empat pecahan bahan pameran, arca seramik, arca dinding, lukisan dan kolaj atas kertas, setiap hasil seni membawakan mesej yang jelas dan telus.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Keunikan karya Umibaizurah terletak pada penggunaan simbolik patung mainan dan haiwan sebagai watak utama untuk menyampaikan mesej dalam karya seramiknya.

Mengakui simbolik patung mainan dan haiwan lebih versatil dalam menggambarkan isu yang diketengahkan, Umibaizurah juga membawakan arca seramik berkonsepkan model arca seperti di Eropah.

"Di Malaysia, model arca kurang menjadi pameran kepada umum seperti di Eropah. Hasil seni kali ini juga membawa azam saya untuk mewujudkan model arca yang boleh menjadi salah satu tarikan pelancong di Malaysia seperti Tugu Negara.

"Hasil seni yang ditampilkan banyak menggarap pelbagai kenangan saya ketika menyertai pameran berkumpul di luar negara malah, ada antaranya juga sudah lama menjadi koleksi persendirian dan baru dipamerkan pada kali ini," ujarinya.

Pameran *Fragile* kini sedang berlangsung sehingga 5 Ogos 2016 dan hasil karya seni dijual secara individu atau sebagai satu siri pada harga dari RM9,500 kepada RM39,000 setiap set.

INFO

Pameran *Fragile*

- **Lokasi:** G5-G6 Mont'Kiara Meridin 19, Jalan Duta Kiara, Mont Kiara, Kuala Lumpur
- **Tarikh:** Sehingga 5 Ogos 2016
- **Masa:** 11 pagi hingga 7 malam (Selasa hingga Ahad)
- **Nombor telefon:** 03- 6419 0102
- **Laman web:** www.theedgegalerie.com



THE Famous Five merupakan antara arca seramik yang paling mendapat perhatian pengunjung di The Edge Galerie.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

